

12/10/1997

Pelajar gagal peperiksaan jangan putus asa

KEMAMAN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pelajar yang tidak lulus dalam peperiksaan tidak harus berputus asa kerana peluang untuk memiliki kemahiran di negara ini masih terbuka luas.

Malah, kata Perdana Menteri, kemahiran yang diperolehi itu juga dapat menghasilkan gaji lebih tinggi.

Menurut Dr Mahathir, kerajaan bersedia memberi peluang kepada mereka yang berminat mempelajari ilmu kemahiran tertentu kerana ramai tenaga mahir diperlukan dalam bidang perindustrian.

"Tidak lulus peperiksaan tidak bermakna tidak boleh jadi warga negara berharga. Jika ada keinginan, mereka boleh menguasai bidang kemahiran," katanya ketika merasmikan kampus induk Institut Teknikal Tinggi Terengganu (Tati) di Teluk Kalong, di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, sekarang orang Melayu boleh mengeluarkan pelbagai benda, termasuk kereta, kapal terbang dan mungkin kapal angkasa lepas jika diberi peluang mempelajarinya.

"Kita bukan nak tepuk dada dengan kebolehan kita, tapi tidak harus percaya kita tidak boleh buat sesuatu itu kerana ia milik orang asing, termasuk Eropah, Amerika dan Jepun."

"Kita akan terus miskin jika kekal setakat mahu menangkap ikan dan tanam padi. Ini adalah pemikiran lama, pemikiran baru ialah kita semua perlu menguasai semua bidang kemahiran, termasuk komputer."

"Kalau mahu, kita boleh belajar semua ini dan boleh mendapat pendapatan yang lumayan berbanding sekarang kerana dalam zaman industri, kita perlu mereka yang memiliki kemahiran dan kecekapan," katanya.

Dr Mahathir berkata, pekerja asing dari negara jiran berjumlah hampir dua juta bekerja di negara ini kerana rakyat sendiri memberi peluang kepada mereka.

Menurutnya, rakyat mesti menguasai kemahiran tertentu yang diperlukan majikan dan negara yang sedang dalam proses menjadi negara perindustrian.

Beliau yakin Tati akan memberi peluang kepada ramai rakyat negeri ini dan negeri lain mempelajari kemahiran teknikal kerana memiliki teknologi canggih.

(END)